

Pelabur asing mula banjir pasaran tempatan

KUALA LUMPUR 10 April – Kebanjiran pelabur asing sehingga membantu mengukuhkan pasaran tempatan, mencerminkan bertambahnya keyakinan dunia terhadap ekonomi negara ini.

Pakar Ekonomi OSK Investment Bank Bhd., Sia Ket Ee berkata, pelabur-pelabur antarabangsa yakin ekonomi Malaysia akan terus mengukuh berikutan langkah-langkah monetari dan fiskal yang diambil oleh kerajaan selama ini.

Kenaikan Indeks Komposit (IK) Bursa Malaysia yang melonjak sebanyak 7.98 mata kepada 1,306.34 mata hari ini memberi isyarat jelas bahawa pasaran modal tempatan terus menarik minat masyarakat pelabur antarabangsa.

“Kebanjiran pelabur asing yang sering dikaitkan dengan kemasukan ‘wang panas’ ke dalam pasaran modal negara tidak membimbangkan kerana dasaran ekonomi seperti rizab yang tinggi serta kenaikan nilai ringgit menjadi tulang belakang kepada kekuatan ekonomi negara,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Bagaimanapun, penyertaan pelabur tempatan terutama pelabur runcit dan kecil-kecilan di peringkat tempatan masih mengambil sikap ‘tunggu’ dan ‘kurang aktif’ lebih memilih untuk melaburkan

dana dalam produk simpanan tetap, katanya.

Semalam, IK ditutup tinggi sebanyak 19.44 mata ke paras 1,298.36 mata selari dengan kenaikan yang dialami oleh bursa-bursa saham serantau lain seperti Singapura, Thailand, Hong Kong dan Shanghai.

Ketua Pegawai Pelaburan ASM Investment Services Bhd., Rusli Abu Yamin pula berkata, masyarakat pelabur tempatan perlu mengambil peluang daripada pencapaian pasaran modal negara.

Agresif

“Pelabur tempatan perlu bertindak lebih agresif dengan menumpukan pelaburan ke atas saham-saham mewah terutama dalam beberapa industri utama seperti minyak dan gas, perladangan serta hartanah.

“Secara keseluruhan, prestasi IK bursa tempatan terus dipengaruhi oleh faktor-faktor serupa yang menjana peningkatan IK ke paras tertinggi dalam tempoh hampir 13 tahun berikutan kemasukan para pelabur asing dan keadaan ekonomi negara yang terus kukuh,” kata beliau.

Rusli menambah, prestasi baik IK bursa

tempatan yang berlaku sekarang juga berbeza dengan kemajuan yang dicatatkan oleh indeks berkenaan beberapa tahun sebelum berlakunya krisis kewangan serantau pada tahun 1997/1998.

“Ini kerana pasaran modal era sebelum krisis kewangan berkenaan lebih dikuasai oleh pelabur tempatan yang berlumba-lumba meraih keuntungan hasil pertumbuhan kukuh di bursa tempatan pada ketika itu, katanya.

Sekarang, jelas beliau, peratusan penyertaan lebih memihak kepada kecairan asing yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan ekoran peningkatan harga saham-saham mewah serta kenaikan nilai ringgit.

Pelabur asing yang bijak memanipulasi harga saham bertindak mengaut keuntungan berganda hasil peningkatan saham-saham mewah yang berlaku serta kenaikan nilai mata wang negara yang lebih tinggi, ujarnya.

Dalam pada itu pengumuman Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin bahawa kerajaan akan meningkatkan apungan saham syarikat milik kerajaan (GLC) dalam pasaran tempatan bagi menjadikan pasaran saham tempatan lebih menarik dan berdaya saing dijangka

akan terus memberi kesan positif kepada pasaran.

Awang Adek berkata, langkah seumpamanya, akan menjana lebih banyak minat di kalangan pelabur ekuiti asing ke dalam pasaran modal di Malaysia.

Menurutnya, ia adalah satu dasar kerajaan pada masa ini untuk melepaskan saham tersebut serta meletakkannya dalam apungan bebas dan ia akan dilakukan secara berperingkat-peringkat.

“Pelabur asing mencari kecairan serta syarikat-syarikat yang besar dalam pasaran,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kad Saring Tadbir Urus Korporat 2006 dan Kaji Selidik Dividen 2006, usaha sama antara Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd. (BPPMB) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, hari ini.

Menurutnya, pasaran saham mencatat prestasi memberangsangkan dan minat terutama daripada pelabur asing dilihat terarah kepada saham-saham mewah.

“Dalam konteks serantau, Malaysia merupakan destinasi pelaburan yang menarik berikutan aliran ekonominya yang meningkat, stabil, peningkatan ringgit, harga komoditi yang baik dan prestasi baik kewangan Islam,” ujarnya.